KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

e-EKSPO TVET@KPLB 2021
29 SEPTEMBER-2 OKTOBER 2021

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menyasarkan lebih lapan puluh ribu pengunjung ke portal e-Ekspo TVET@KPLB 2021 dan media sosial kementerian yang bertujuan mempromosikan kesedaran kepada masyarakat khususnya pelajar dan belia mengenai peluang pendidikan TVET atau latihan kemahiran yang disediakan oleh Institusi TVET di bawah KPLB.

Penganjuran Ekspo Institusi Pendidikan TVET@KPLB 2021 atau dikenali sebagai e-Ekspo TVET@KPLB 2021, sekali lagi akan dilaksanakan secara dalam talian sebagai sebahagian daripada norma baharu selain dijangka mampu menarik lebih ramai penyertaan terutamanya daripada masyarakat luar bandar.

e-Ekspo TVET@KPLB 2021 akan bersiaran secara langsung selama empat (4) hari bermula 29 September 2021 (Rabu) hingga 2 Oktober 2021(Sabtu).

e-Ekspo ini masih mengekalkan tema TVET@KPLB, Pilihan Kemahiran Anda dengan hashtag Saya Budak TVET. Sesuai dengan temanya, pengunjung berpeluang untuk meneroka pelbagai segmen menarik seperti forum dan seminar, video-video kemahiran dan pelbagai penawaran program atau kursus bidang kemahiran TVET yang disediakan oleh institusi TVET@KPLB.

Manakala hashtag Saya Budak TVET pula dipilih sebagai usaha Kementerian dalam penerapan identiti serta kebersamaan para pelatih TVET di seluruh negara yang telah memilih bidang latihan kemahiran sebagai laluan pendidikan dan kerjaya masing-masing.

TVET adalah singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Technical and Vocational Education and Training). Pendidikan TVET ialah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan terhadap amalan industri yang bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu.

Sehingga 31 Ogos 2021, seramai 14,238 orang pelajar baharu telah mendaftar dan memulakan pengajian di Institusi TVET@KPLB. Manakala bilangan pelajar sedia ada sehingga tempoh yang sama adalah seramai 48,558 orang pelajar dengan kebolehpasaran graduan mencapai purata 86.59%.

Ini membuktikan kualiti pembelajaran di Institusi TVET@KPLB adalah relevan dan kompetitif dalam membekalkan komuniti graduan serta pekerja mahir yang diperlukan industri.

Menerusi e-Ekspo TVET@KPLB 2021 ini juga, KPLB yakin medium ini menjadi satu daripada instrumen untuk promosi bagi menyebarluaskan peluang pengajian serta kerjaya dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masyarakat terutama di luar bandar khususnya golongan lepasan SPM dan belia dengan mendapat latihan kemahiran dan teknikal.

KPLB yakin lebih banyak peluang pekerjaan berasaskan teknikal dan vokasional akan diwujudkan selain memastikan lebih banyak pendapatan dapat dijana selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dalam memastikan taraf hidup "Keluarga Malaysia" dapat ditingkatkan.

e-Ekspo TVET@KPLB 2021 boleh dicapai menerusi platform utama iaitu:

i. Portal e-Ekspo TVET@KPLB 2021 (https://ekspotvet.rurallink.gov.my/) yang juga boleh diakses di laman sesawang Kementerian);
ii. Media sosial rasmi KPLB seperti Facebook (https://www.facebook.com/kplbofficial/), Instagram (kplb_gov), Twitter (kplb_gov), Youtube (KPLB_GOV official) dan TikTok (#kplb).

Jadual pengisian e-Ekspo dilampirkan untuk rujukan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penganjuran e-Ekspo TVET@KPLB 2021 melibatkan kerjasama Institusi Pendidikan TVET di bawah tujuh (7) agensi utama Kementerian ini, seperti berikut:

i. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS);
ii. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
iii. Majlis Amanah Rakyat (MARA);
iv. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
v. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA);
vi. Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH); dan
vii. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Tujuh agensi penyedia TVET menawarkan 279 Institusi Pendidikan TVET@KPLB dengan 518 jenis program/ kursus yang dibahagikan kepada 15 kluster seperti berikut:

i. Keusahawanan/ Teknousahawan
ii. Fesyen & Pakaian
iii. Kecantikan dan Dandanan Rambut
iv. Kulinari/ Pelancongan/ Hospitaliti
v. Pertanian
vi. Seni Reka & Multimedia Kreatif
vii. Teknologi Bahan
viii. Pengangkutan & Teknologi Logistik
ix. Bioteknologi
x. Teknologi Maklumat & Komputer
xi. Minyak & Gas
xii. Perubatan & Penjagaan Kesihatan
xiii. Elektrik & Elektronik
xiv. Kejuruteraan Awam & Seni Bina
xv. Mekanikal & Pembuatan

-TAMAT-